

Gap Inc.

Tatacara Perilaku Vendor

Tatacara Perilaku Vendor ini tertakluk kepada semua kilang-kilang yang mengeluarkan barangan bagi Gap Inc. atau mana-mana subsidiari, cawangan, affiliate atau ejen.

Gap Inc. telah mengenalpasti terdapat perbezaan budaya dan perundangan di kilang-kilang yang beroperasi serata dunia, Tatacara berikut ini menggariskan panduan asas yang harus dipatuhi bagi semua kilang-kilang yang ingin menjalankan pemiagaannya dengan Gap Inc. Tatacara ini berpandukan standard buruh antarabangsa yang diterimapai termasuk konvensyen Organisasi Perburuhan Antarabangsa (ILO) dan Deklarasi Hak Asasi Manusia. Tatacara ini memberikan panduan asas bagi penilaian berterusan Gap Inc. terhadap amal.an pekerjaan kilang dan kepatuhan undang-undang alam sekitar.

I. Kepatuhan terhadap Undang-Undang

Kilang-kilang yang menghasilkan barangan untuk Gap Inc. akan beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang di negara-negara mereka beroperasi dan juga tertakluk kepada undang-undang, peraturan serta syarat-syarat yang lain. Sebagai syarat bagi menjalankan pemiagaan dengan Gap Inc., setiap kilang hendaklah mematuhi segala Tatacara Perilaku Vendor ini. Gap Inc. akan terus mempertingkatkan sistem kawalan bagi menilai dan memastikan pematuhan undang-undang. Di mana terdapat perbezaan dalam kelayakan seperti undang-undang tempatan dan juga COVC Gap Inc, kelayakan yang paling ketat patut diguna pakai. Vendor dan Rakan Sekutu akan hanya menggunakan kemudahan yang telah diluluskan oleh Gap Inc. untuk menghasilkan produk. Para vendor patut mendapatkan kelulusan bertulis daripada Gap Inc untuk menggunakan kemudahan ini sebelum menghasilkan produk.

II. Alam Sekitar

Kilang akan mematuhi segala undang-undang serta peraturan alam sekitar. Kemudahan harus menguruskan impak terhadap alam sekitar, termasuklah tenaga & pelepasan gas rumah hijau (GHG), pencemaran udara (pelepasan ke udara), penggunaan air, kualiti air, sisa air, lencongan sisa dan pelupusan, dan penggunaan dan pengendalian bahan kimia.

III. Pekerja

A. Pekerja Kanak-kanak

Kilang hanya akan mengambil pekerja yang memenuhi syarat umur minimum yang sah di sisi undang-undang atau sekurang-kurangnya 15 tahun ke atas, yang mana lebih tinggi. Kilang juga harus mematuhi segala undang-undang pekerja kanak-kanak. Kilang digalakkan agar membangunkan program-program perantisan dengan peraturan-peraturan khusus di tempat kerja sebagai satu faedah pendidikan untuk para pekerjanya, yang mana semua yang terbabit wajib memenuhi kedua-dua syarat Gap Inc. iaitu sekurang-kurangnya 15 tahun ke atas dan memenuhi syarat keperluan umur minimum.

B. Keperluan Pekerja Kontrak (Jika berkenaan)

Kilang yang mengupah atau mengambil pekerja asing akan memastikan bahawa para pekerja ini dilayan secara adil dan setaraf dengan pekerja tempatan. Pekerja asing tidak akan tertakluk kepada sebarang bentuk buruh paksa, wajib, terikat, atau kuli kontrak. Semua kerja harus dilakukan secara sukarela dan pekerja mestilah bebas untuk menamatkan pekerjaan mereka pada bila-bila masa, tanpa penalti. Pekerja asing (atau ahli keluarga mereka) tidak boleh diancam dengan kecaman kepada pihak berkuasa untuk memaksa mereka ke dalam mengambil pekerjaan atau menghalang mereka daripada secara sukarela menamatkan pekerjaan mereka, pada bila-bila masa, tanpa penalti.

C. Diskriminasi

Kilang akan mengambil pekerja berdasarkan keupayaan mereka melakukan kerja tersebut, bukan berdasarkan ciri-ciri atau kepercayaan peribadi.

D. Buruh Paksa

Kemudahan-kemudahan tidak boleh menggunakan tenaga kerja sukarela dalam apa jua bentuk, termasuk buruh penjara, ikatan hutang, buruh hamba atau buruh paksa oleh kerajaan.

E. Kebebasan Berpersatuan dan Hak untuk Berunding Secara Kolektif

Para pekerja bebas untuk menganggotai mana-mana kesatuan sekerja yang dipilihnya. Kilang tidak akan menghalang pekerjapekerja untuk berkesatuan secara aman dan mengikut undang-undang, menganjur serta membuat perundingan dan perjanjian kolektif. Keputusan samada ingin melakukannya atau tidak adalah menjadi hak mutlak pekerja terbabit.

F. Layanan Kemanusiaan

Kilang akan memberi layanan kepada semua pekerjanya dengan rasa hormat dan bermaruah. Kilang tidak akan menggunakan hukuman korporal atau sebarang bentuk paksaan fizikal atau psikologikal.

G. Gaji & Manfaat

Kilang akan membayar gaji dan premium kerja lebih masa berdasarkan undang-undang yang ditetapkan. Pekerja akan dibayar sekurang-kurangnya gaji minimum yang sah di sisi undang-undang jika ada) atau gaji standard industri tempatan, yang mana lebih tinggi. Kilang digalakkan memberi gaji dan manfaat yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas para pakerja dan juga pendapatan lain mengikut budi-bicara kilang.

H. Waktu Bekerja

Kilang akan menetapkan waktu bekerja berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Adalah difahami bahawa kerja lebih masa kerap kali diperlukan di bahagian pengeluaran pakaian, akan tetapi kilang akan menjalankan operasi dengan menghadkan kerja lebih masa bagi memastikan persekitaran kerja yang aman, berperikemanusiaan dan produktif.

IV. Persekitaran Tempat Kerja

A. Kesihatan dan Keselamatan Tempat Kerja

Kilang akan mematuhi segala undang-undang dan peraturan berhubung dengan keselamatan persekitaran tempat kerja dan sentiasa memastikan persekitaran yang selamat dan sihat untuk para pekerja.

B. Asrama (Jika berkenaan)

Kilang yang menyediakan kemudahan asrama kepada pekerja akan memastikan agar kemudahan itu bersih dan selamat.

V. Sistem Pengurusan

Kemudahan-kemudahan hendaklah menubuhkan sistem pengurusan kemampunan yang direka dengan kawalan operasi yang bersesuaian untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan-peraturan, dan COVC. Sistem pengurusan hendaklah mengenal pasti dan mengawal risiko kemampunan, dan memudahkan penambahbaikan yang berterusan.



BANANA REPUBLIC



ATHLETA